

BUKU PANDUAN

REVISI



SISTER

PERBATAN

1980

1980

1980

PERPUSTAKAAN  
INSTITUT LATIHAN  
SULTAN MUHAMMAD SALIH  
TENAGA NASIONAL BERHAD

100  
5000

.....  
.....  
.....

100  
5000

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....



Kandungan

Mukasurat

**1 Pendahuluan**

1.1 Keterangan Ringkas Sistem	1
1.2 Pendekan dan Simbol	1
1.3 Huraian Am Aplikasi SISPER	4
1.4 Tugas-tugas Pengguna Dalam Melaksanakan Aplikasi SISPER	5
1.5 Penerangan Am Skrin SISPER	6

**2 Penal Doktor**

2.1 Kemasukan Data Penal Doktor	8
2.2 Perubahan Ke atas Penal Doktor	10
2.3 Pembatalan Penal Doktor dan/atau Cawangan-cawangannya	11
2.4 Pertanyaan Ke atas Penal Doktor	12
2.5 Ringkasan Kesemua Nama-nama & Kod-kod Penal Doktor	13

**3 Pekerja Dan Tanggungan**

3.1 Kemasukan Data Pekerja-Tanggungan	14
3.2 Perubahan Data Pekerja/Tanggungan	16
3.3 Pembatalan Ke atas Pekerja Dan Tanggungan	17
3.4 Pembatalan Ke atas Tanggungan Sahaja	18
3.5 Pertanyaan Tanggungan Pekerja	19

**4 Bil-bil Perubatan Dan Pergigian**

4.1 Kemasukan Butir-butir Bil Perubatan	20
4.2 Kemasukan Butir-butir Bil Pergigian	24
4.3 Perubahan Butir-butir Bil Perubatan	25
4.4 Perubahan Butir-butir Bil Pergigian	27
4.5 Pembatalan Butir-butir Bil	28
4.6 Pertanyaan Bil-bil Yang Masih Belum Dijelaskan	29

**5 Laporan**

**5.1 Laporan Mengikut Permintaan**

5.1.1 Borang Pemilihan (Kosong)	31
5.1.2 Senarai Kesemua Penal Doktor	32
5.1.3 Senarai Pesara-pesara Berserta Alamat Mereka	33
5.1.4 Senarai Tanggungan(anak) Yang Berumur 18 Tahun & Ke atas	34
5.1.5 Laporan Perbelanjaan & Lawatan Pekerja/Tanggungan	35
5.1.6 Laporan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut Klinik	36
5.1.7 Borang Pemilihan - Maklumat Semasa Disediakan (satu cetakan pekerja sahaja)	37

5.2 Laporan Bulanan

5.2.1 Laporan Bulanan Perbelanjaan & Lawatan Pekerja/Tanggungannya	38
5.2.2 Laporan Bulanan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut Klinik	39

5.3 Laporan Setengah Tahunan

5.3.1 Borang Pemilihan - Untuk Dikemaskini	40
--	----

5.4 Laporan Tahunan

5.4.1 Senarai Pemilihan Penal Doktor Perubatan	41
5.4.2 Senarai Pemilihan Penal Doktor Pergigian	42
5.4.3 Laporan Tahunan Perbelanjaan & Lawatan Pekerja/Tanggungannya	43
5.4.4 Laporan Tahunan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut Klinik	44

6 Pentadbiran

6.1 Membuat 'Backup' atau Salinan Ke Disket	45
6.2 Menukar Kata Sulit	46

LAMPIRAN

Senarai Peruntukan Kod Penal Doktor dan Doktor Gigi  
 Lembaga - LAMPIRAN A

PERPUSTAKAAN INSTITUT LATIHAN SULTAN AHMAD SHAH TENAGA NASIONAL BERHAD	
NO. PANGGILAN:	001.613.6 LLN
TARIKH TERIMA:	25 OCT 1991
NO. PEROLEHAN:	10211 ✓

## PENDAHULUAN

### 1 PENDAHULUAN

#### 1.1 Keterangan Ringkas Sistem Perubatan.

Aplikasi Sistem Perubatan (SISPER) adalah satu sistem berkomputer yang dibangunkan bertujuan antara lain:

- i. Memudahkan penyimpanan, rujukan dan pindaan ke atas maklumat-maklumat penal doktor LLN disesuatu stesen.
- ii. Memudahkan penyenggaraan ke atas maklumat-maklumat.
- iii. Membantu stesen mengawal dan menguruskan perbelanjaan stesen ke atas kemudahan perubatan dan pergigian.
- iv. Mempercepatkan lagi persediaan Senarai Pemilihan penal Doktor (Perubatan dan Pergigian.)


Dengan perlaksanaannya aplikasi ini, tidaklah ada berlakunya sebarang perubahan besar ke atas sistem atau pun prosidur yang sedia ada berkenaan penal-penal doktor Lembaga, mahupun dari segi pembilan.

#### 1.2 Pendekan dan Simbol.

Pendekan dan simbol-simbol yang digunakan dalam buku panduan pengguna ini hendaklah dibiasakan oleh anda, demi untuk kecekapan dalam menggunakan sistem dan juga buku panduan ini.

SISPER	- merujuk kepada aplikasi Sistem Perubatan. Kadangkala digantikan dengan perkataan 'sistem' sahaja.
PC	- Komputer peribadi anda samada NIXDORF PC M55, IBM PC AT dan lain-lain.
Disket	- tempat simpanan maklumat atau data.
Drive	- pemacu disket yang terletak di badan PC.
VDU	- 'Visual Display Unit' yakni skrin paparan berupa skrin TV yang bertindak sebagai 'lidah' komputer.
Papan kekunci	- lihat Gambarajah 1. Ianya ialah alat bagi anda 'bercakap-cakap' dengan komputer.
↵	- kekunci 'ENTER' atau kadangkala juga dikenali sebagai kekunci 'RETURN' untuk penerimaan kemasukan.
Esc	- kekunci 'Escape', digunakan untuk <ol style="list-style-type: none"><li>1. keluar dari menu ke menu atau sesuatu paparan.</li><li>2. membatalkan kemasukan data yang sedang ditaipkan tadi.</li></ol>
Aksara/Character	- ialah samada huruf, angka atau lain-lain kekunci pada papankekunci yang boleh cetak.

# KEYBOARD LAYOUT



GAMBARAJAH 1

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENDAHULUAN

Contohnya: A, B, 0, 1, %, #, \$, dan sebagainya adalah aksara, tetapi 'Home', 'PrtSc' dsb, adalah bukan aksara.

- Kursor - Ini adalah satu penunjuk kecil melintang yang selalu berkedipan dan boleh digerak-gerakkan pada skrin komputer. Ianya menandakan tempat di mana anda boleh menaipkan aksara.
- Del - Ialah kekunci 'Delete a character' untuk memadamkan aksara di mana kursor berada.
- ← - Ini bukannya anak panah untuk menggerakkan kursor ke kiri, tetapi adalah kekunci 'Backspace' yang berfungsi sama seperti kekunci 'Del'. Bezanya daripada 'Del' ialah memadamkan aksara ke sebelah kiri kursor.

Fungsi-fungsi utama yang disediakan ialah:

1. Kemasukan
2. Perubahan
3. Pembatalan
4. Pertanyaan
5. Laporan
6. Pentadbiran

yang akan dikenali sebagai MENU UTAMA. Di dalam setiap menu utama ini, ada lagi menu-menu kecil yang dipanggil submenu.

Untuk menyenangkan lagi penggunaan sistem ini, di bawah ini disenaraikan kesemua menu dan submenunya. Pemilihan dapat dibuat dengan menaip pilihan mengikut turutan nombor sepertimana yang disediakan di sebelah kiri setiap submenu.

Ungkapan "submenu n.n.n" (di mana 'n' ialah nombor 1 hingga 7) adalah merujuk kepada turutan nombor ini.

Contohnya:

Untuk membuat cetakan 'Senarai Pemilihan Penal Doktor Perubatan' ('Medical Nominal Roll') - daripada Menu Utama, taip 5, kemudian taip ←, taip 4 lagi kemudian ← dan seterusnya taip 1 dan ←.

Susunan nombor yang ditaipkan: 5, 4, 1 (yakni submenu 5.4.1) #

1. Kemasukan
  - 1.1 Penal Doktor
  - 1.2 Pekerja dan Tanggungan
  - 1.3 Bil Pembayaran Perubatan
  - 1.4 Bil Pembayaran Pergigian
2. Perubahan
  - 2.1 Penal Doktor
  - 2.2 Pekerja dan Tanggungan
  - 2.3 Bil Perubatan
  - 2.4 Bil Pergigian


## PENDAHULUAN

3. Pembatalan
  - 3.1 Penal Doktor
  - 3.2 Pekerja dan Tanggungan
  - 3.3 Tanggungan sahaja
  - 3.4 Bil-bil
  
4. Pertanyaan
  - 4.1 Maklumat Mengenai Penal Doktor Yang Diminta
  - 4.2 Ringkasan Kesemua Nama-nama & Kod-kod Penal Doktor
  - 4.3 Bil-bil Yang Masih Belum Dijelaskan
  - 4.4 Pertanyaan Tanggungan Pekerja
  
5. Laporan
  - 5.1 Laporan Mengikut Permintaan
    - 5.1.1 Borang Pemilihan (kosong)
    - 5.1.2 Senarai Kesemua Penal Doktor
    - 5.1.3 Senarai Pesara-pesara Beserta Alamat Mereka
    - 5.1.4 Senarai Tanggungan (anak) Yang Berumur 18 Tahun Ke atas
    - 5.1.5 Laporan Perbelanjaan dan Lawatan Pekerja/Tanggungan
    - 5.1.6 Laporan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut Klinik
    - 5.1.7 Borang Pemilihan - Maklumat Semasa Disediakan (satu cetakan pekerja sahaja)
  
  - 5.2 Laporan Bulanan
    - 5.2.1 Laporan Bulanan Perbelanjaan dan Lawatan Pekerja/Tanggungan
    - 5.2.2 Laporan Bulanan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut -- Klinik
  
  - 5.3 Laporan Setengah Tahunan
    - 5.3.1 Borang Pemilihan - Untuk Dikemaskini (maklumat semasa disediakan)
  
  - 5.4 Laporan Tahunan
    - 5.4.1 Senarai Pemilihan Penal Doktor Perubatan
    - 5.4.2 Senarai Pemilihan Penal Doktor Pergigian
    - 5.4.3 Laporan Tahunan Perbelanjaan & Lawatan Pekerja/Tanggungan
    - 5.4.4 Laporan Tahunan Perbelanjaan Perubatan/Pergigian Mengikut Klinik
  
6. Pentadbiran
  - 6.1 Membuat 'Backup' Atau Salinan Ke disket
  - 6.2 Menukar Katasulit



PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENDAHULUAN

1.3 Huraian Am Aplikasi SISPER



Rajah menunjukkan fungsi-fungsi utama SISPER

Skrin Pencenalalan adalah terdiri daripada beberapa paparan untuk beramah-tamah dengan anda. Mula-mula ia akan menunjukkan tajuk aplikasi (lihat Gambarajah 2), kemudian anda akan diminta Kata Pengenalan (yakni nama ringkas sistem pengguna) dan Katasulit/kata izin (yakni perkataan rahsia yang tidak kurang daripada 3 huruf).

Jika kedua-duanya didapati betul oleh komputer, anda akan dipaparkan dengan Skrin Penyediaan (untuk memastikan tarikh semasa, kod stesen dsbnya) - (lihat Gambarajah 3).

Sebaliknya jika kedua-dua kata ini didapati salah, anda akan dikeluarkan dari SISPER.

SISTEM PEMBAHAGIAN PENGELUARAN DATA SUMBER

HAKCIPTA JABATAN PEMERCSAN DATA ELEKTRONIK, LLN 1988

# SISTEM PERUBAHAN

< Tekan mana-mana kekunci untuk meneruskan >

GAMBARAH 2



## PENDAHULUAN

Selepas Skrin Penyediaan, anda akan dimasukkan ke dalam Skrin Pencetakan Fail 'Salinan Pencetak'. Fail 'Salinan Pencetak' adalah satu fail komputer yang khas di mana semua pencetakan SISPER (laporan, salinan bil dsbnya) yang tidak dapat dilakukan melalui mesin pencetak disimpan. Pencetakan akan terganggu sekiranya mesin pencetak tidak dipasang dengan betul atau ianya telah rosak. Apabila ini berlaku, SISPER akan mengesan dan memberi amaran kepada anda dan seterusnya membuat cetakan ke fail 'SALINAN PENCETAK' ini.

Setiap kali anda memulakan sesi SISPER, anda akan diarahkan untuk mencetak fail ini sebagai langkah berhati-hati, kalau-kalau sesi yang lepas mengalami kerosakan mesin pencetak.

Jika anda telah selesai dengan Skrin Pencetakan Fail 'Salinan Pencetak' tadi, barulah anda akan dimasukkan ke Skrin Menu Utama (lihat Gambarajah 4) untuk proses selanjutnya .

### 1.4 Tugas-tugas Pengguna Dalam Melaksanakan Aplikasi SISPER

Bagi melaksanakan aplikasi ini, anda perlu membuka 2 buah fail baru. Yakni:

1. Fail SISPER - AM
2. Fail SISPER - PERBELANJAAN BULANAN & TAHUNAN (PB&T)

Fail SISPER - AM ialah untuk penyimpanan semua cetakan yang dilakukan melalui submenu-submenu (lihat muka surat 2 & 3) Pertanyaan, Laporan Mengikut Permintaan, Senarai Pemilihan Penal Perubatan & Pergidian (5.4.1 & 5.4.2) dll.

Fail SISPER - PB&T pula digunakan hanya untuk menyimpan semua cetakan yang dilakukan melalui submenu-submenu Laporan Perbelanjaan Bulanan (5.2), Laporan Perbelanjaan Tahunan (5.4.3 & 5.4.4), Senarai Butir-butir Bil Yang Telah Dikomputer bagi Kemasukan dan juga Perubahan butir bil (1.3, 1.4, 2.3 & 2.4).

Cetakan Laporan Setengah Tahunan hendaklah dimasukkan ke dalam fail peribadi pekerja masing-masing.

Bagi memudahkan anda dalam menggunakan aplikasi ini, di bawah ini disenaraikan perkara-perkara yang mesti anda lakukan mengikut masa dan susunannya.

### A - P R O S E S        B U L A N A N

#### 1. Kemasukan Butir-butir Bil:

Gunakan submenu '3. Bil Pembayaran Perubatan' atau 4. Bil Pembayaran Pergidian' (yang mana berkenaan) dalam Menu Utama '1. Kemasukan'.

Setiap bulan, bilamana bil-bil untuk bulan sebelumnya telah anda terima, susun dan kelompokkan bil-bil tersebut mengikut penal doktor, kemudian masukkan tiap-tiap butir bil ke dalam komputer.

Setelah habis kemasukan bagi tiap-tiap penal doktor, komputer akan secara automatik mencetak ringkasan segala kemasukan bil penal tersebut untuk bulan itu. Failkan cetakan ringkasan ini ke

Sistem Perubatan MENU UTAMA

1. Kemasukan data
2. Perubahan
3. Pembatalan
4. Pertanyaan
5. Lapuran
6. Pentadbiran
0. Keluar

PILIHAN: 0 (0..6)

GAMBARAJAH 4

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENDAHULUAN

dalam fail SISPER - PB&T sepertimana yang diterangkan di atas.

2. Cetakan Laporan-laporan Bulanan:

Gunakan submenu '2. Laporan Bulanan' dalam Menu Utama '5. Laporan' bagi mencetak kesemua laporan-laporan bulanan pada penghujung bulan atau awal bulan berikutnya. Setelah mendapat perhatian dan pengesahan Ketua Jabatan anda, failkan dalam fail SISPER - PB&T.

B - P R O S E S        S E T E N G A H        T A H U N A N

1. Cetakan Borang-borang Pemilihan Dengan Maklumat Disediakan:

Gunakan submenu '3. Laporan Setengah Tahunan' dalam Menu Utama '5. Laporan' bagi mencetak kesemua atau sebahagian pekerja di pejabat anda. Edarkan kepada pekerja di pejabat anda untuk sebarang pindaan atau tambahan. Setelah anda terima balik cetakan tersebut, kemaskinikan maklumat yang di dalam komputer bagi pekerja tersebut (jika ada perubahan) melalui Menu Utama '2. Perubahan' atau '3. Pembatalan' bagi pekerja/tanggungannya.

C - P R O S E S        T A H U N A N

1. Cetakan Laporan-laporan Tahunan:

Gunakan submenu '4. Laporan Tahunan' dalam Menu Utama '5. Laporan' bagi mencetak kesemua senarai pemilihan dan laporan-laporan tahunan. Setelah mendapat perhatian dan pengesahan Ketua Jabatan anda, failkan ke dalam fail SISPER masing-masing di pejabat anda.

Sekiranya ada permintaan senarai pemilihan penaja doktor dan pergigian dari pejabat Kebajikan - salinfoto cetakan komputer yang asal, hantarkan salinan asal ini dan failkan salinan foto di pejabat anda.


1.5 Penerangan Am Skrin Aplikasi SISPER.

Setiap skrin mempunyai maklumat-maklumat berikut (lihat Gambarajah 5)

- i. Nama Skrin (Screen name)
- ii. Tajuk Skrin (Screen Title)
- iii. Tarikh semasa (Current date)
- iv. Baris untuk mesej ralat/amaran (error/warning message)
- v. Baris untuk pengesahan/pemberitahu/pertanyaan (confirmation)

Kursor pada skrin menandakan tempat di mana anda boleh menaipkan data. Kursor digerakkan dari

- ruangan ke ruangan dengan menggunakan kekunci ←, ↑, atau ↓



GAMBARAJAH 5

# STANDARD SCREEN FORMAT

## PENDAHULUAN

- aksara ke aksara (dlm. ruangan yang sama) dengan menggunakan kekunci ← dan →

Ruangan(atau medan data) pada skrin ialah barisan atau petak yang telah dicerahkan. Ada 3 jenis ruangan data:

- ruangan kosong - di mana anda dibenarkan taip data
- ruangan yang ada data - tetapi tidak dibenarkan oleh komputer mengubahnya.  
Contohnya: Nombor pekerja pada skrin Perubahan Data Pekerja dan Tanggungan.
- ruangan yang ada data - dan anda dibenarkan mengubahnya.

Mesej ralat/amaran akan dipaparkan beserta dengan bunyi 'beep'. Anda mesti membaca mesej ini sebelum meneruskan dan seterusnya mengikut arahan yang dipaparkan pada baris pengesahan/pemberitahu.



PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENAL DOKTOR

2 PENAL DOKTOR

2.1 KEMASUKAN DATA PENAL DOKTOR

2.1.1 Tujuan.

Untuk memasukkan butir-butir maklumat penal doktor Lembaga bagi sesebuah stesen.

2.1.2 Tatacara.

2.1.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana perlu menyimpan penal doktor yang baru.

2.1.2.2 Sumber masukan/ruiukan: Surat Pekeliling Kebajikan.

2.1.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

2.1.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 1,1.

2.1.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MST401 (lihat Gambarajah 2.1-1)

2.1.2.6 Keterangan:

Ruangan no. 1 - Format kod peruntukan penal doktor adalah seperti berikut: Xnn di mana X ialah huruf untuk negeri A,B,C,D,J,K,M,N,P,T,R atau W dan n ialah nombor peruntukan bagi penal doktor yang sah.

Untuk kod doktor (perubatan/pergigian) yang sah sila lihat 'Senarai Peruntukan Kod penal Doktor Dan Doktor Gigi Lembaga' di lampiran A.

Contoh: penal doktor Syed Mahmud & Ruby Majeed memiliki kod W3 dan bukannya W03.

Ruangan no. 2 - Masukkan nama klinik seperti yang disediakan dalam senarai Penal Doktor Lembaga oleh Pejabat Kebajikan. Untuk menjimatkan ruang, taip 'KL' untuk klinik dan 'POLIK' untuk poliklinik tanpa noktah.

Ruangan no. 7 - Masukkan nama doktor yang mewakili pihak klinik tersebut. Gunakan pendekan di mana boleh dan patut. Seperti doktor menjadi 'Dr', Muhammad menjadi 'Muhd' atau 'M' sahaja dsbnya.

Ruangan no. 8 - Taipkan bilangan cawangan doktor ini yang diiktirafkan oleh Pejabat Kebajikan sahaja.

Ruangan no. 10 - Taip 'Y' untuk Yes/ya jika ada lagi, 'N' untuk No/tidak jika sudah habis.

2.1.3 Kawalan:



## PENAL DOKTOR

a) Komputer akan menolak kemasukan kod penal yang telah sedia ada dalam komputer.

b) Kemasukan alamat-alamat cawangan bergantung kepada bilangan cawangan yang telah dimasukkan di ruangan no. 8.

### 2.1.4 Pengecualian:

Bagi kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, hanya satu cawangan dibenarkan (lihat PKB 15/14/75 Bhg 2/70 & 2/67).

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENAL DOKTOR

2.2 PERUBAHAN KE ATAS PENAL DOKTOR

2.2.1 Tujuan.

Untuk membuat sebarang pindaan ke atas penal doktor.

2.2.2 Tatacara.

2.2.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana ada perubahan sahaja.

2.2.2.2 Sumber masukan/rujukan: Kod penal.

2.2.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

2.2.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 2,1.

2.2.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPC400 dan MSC401 (lihat Gambarajah 2.2-1)

2.2.2.6 Keterangan:

Sama seperti skrin kemasukan kecuali ruangan No.7 hanya untuk paparan sahaja. Untuk menambahkan cawangan (hanya yang sah sahaja), tekan kekunci 'PgDn' atau ↓.

2.2.3 Kawalan:

Setiap tambahan cawangan kepada klinik/penal doktor, bilangan cawangan di atas (ruangan No.7) akan dikemaskini oleh komputer secara automatik.

2.2.4 Pencecualian:

Tiada.



## PENAL DOKTOR

### 2.3 PEMBATALAN PENAL DOKTOR DAN/ATAU CAWANGAN-CAWANGANYA

#### 2.3.1 Tujuan.

Untuk membatalkan sesuatu penal doktor atau hanya cawangannya saja dari komputer.

#### 2.3.2 Tatacara.

2.3.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod.

2.3.2.2 Sumber masukan/rujukan: Surat arahan dari Pejabat Kebajikan dan kod penal berkenaan.

2.3.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

2.3.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 3,1.

2.3.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPD400 (lihat gambarajah 2.3-1)

#### 2.3.2.6 Keterangan:

Taip '2' untuk batalkan semua maklumat penal ini, '1' untuk padamkan satu cawangan sahaja.

#### 2.3.3 Kawalan:

Setiap pembatalan cawangan, bilangan cawangan untuk penal doktor tersebut akan dikemaskini secara automatik.

#### 2.3.4 Pengecualian:

Tiada.

MPD400 SISTEM PERUBATAN 28/04/89  
 PEMBATALAN PANEL DOKTOR DAN/ATAU CAWANGAN

Kod doktor : W3

Tekan kekunci [Esc] untuk keluar

MPD400 SISTEM PERUBATAN 28/04/89  
 PEMBATALAN PANEL DOKTOR DAN/ATAU CAWANGAN

Kod doktor : W3      Nama : DR. SYED MAHMOOD & RUBY M  
 Klinik : Perubatan      Bilangan cawangan : 2

No.	Alamat	Talipon
2	NO. 1 LORONG UNIVERSITI CSection 16, 46350	PETALIN 7534233
67	565HG6785GB GDHF FH      GHGF UBHFH FU	KUALA L 255665855

PADAM: (1)-satu cawangan sahaja (jika ada), (2)-kesemua, (0)-keluar

GAMBARAJAH 2.3-1

↳ lihat sebelah....

MPD400

SISTEM PERUBATAN  
PEMBATALAN PANEL DOKTOR DAN/ATAU CAWANGAN

28/04/89

Kod doktor : W3

Nama : DR. SYED MAHMOOD & RUBY M

Klinik : Perubatan

Bilangan cawangan : 2

No. Alamat

Talipon

2 NO. 1 LORONG UNIVERSITI CSection 16, 46350  
67 565HG6785GB GDHF FH GHHGF UBHFN FJ

PETALIN 7534233  
KUALA L 255665855

*di sediakan  
oleh  
komputer*

Masukkan nombor rekod ("No.") yang hendak dibatalkan

01

MPD400

SISTEM PERUBATAN  
PEMBATALAN PANEL DOKTOR DAN/ATAU CAWANGAN

28/04/89

Kod doktor : W3

Nama : DR. SYED MAHMOOD & RUBY M

Klinik : Perubatan

Bilangan cawangan : 2

No. Alamat

Talipon

2 NO. 1 LORONG UNIVERSITI CSection 16, 46350  
67 565HG6785GB GDHF FH GHHGF UBHFN FJ

PETALIN 7534233  
KUALA L 255665855

*menjula  
kepada*

Masukkan nombor rekod ("No.") yang hendak dibatalkan

67



PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PENAL DOKTOR

2.4 PERTANYAAN KE ATAS PENAL DOKTOR.

2.4.1 Tujuan.

Untuk melihat butir-butir seseorang penal doktor.

2.4.2 Tatacara.

2.4.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana perlu.

2.4.2.2 Sumber masukan/rujukan: Kod penal doktor.

2.4.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

2.4.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 4,1.

2.4.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MSE101 lihat gambarajah 2.4-1)

2.4.2.6 Keterangan: .

Untuk melihat doktor yang lain tekan 'Y' (untuk Ya) apabila ditanya, atau 'N' (untuk No/Tidak) untuk keluar dari sini.

2.4.3 Kawalan:

Tiada.

2.4.4 Pencecualian:

Tiada.



## PENAL DOKTOR

### 2.5 RINGKASAN KESEMUA NAMA-NAMA DAN KOD-KOD PENAL DOKTOR

#### 2.5.1 Tujuan.

Untuk melihat dan/atau mencetak ringkasan senarai kod-kod penal.

#### 2.5.2 Tatacara.

2.5.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana perlu

2.5.2.2 Sumber masukan/rujukan: Tiada.

2.5.2.3 Laporan yang dicetak: Ringkasan senarai penal

2.5.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 4,2.

2.5.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPE200 (lihat gambarajah 2.5-1)

2.5.2.6 Keterangan:

Jika senarai ini terlalu panjang (melebihi 1 skrin) adalah dinasihatkan supaya anda mencetaknya.

#### 2.5.3 Kawalan:

Tiada.

#### 2.5.4 Pengecualian:

Tiada

Adakan senarai ini akan dicetakkan? (Y/N)  Y

B12.....KLINIK TAN  
B13.....POLIKLINIK MAJU GILBERT  
B17.....KLINIK ADELIN CHAN  
B18.....KLINIK MEDIC ASSOC  
B19.....KLINIK KUMPULAN MEDIC  
B22.....POLIK.LUDHER  
W1 .....KLINIK YOUNG & NEWTON  
W3 .....DR S MAHMUD & RUBY MAJEED  
W8 .....KLINIK LEELA RATOS  
W16.....POLIKLINIK LOURDES  
W49.....DR.SIRAJUDIN MD.SULTAN  
W50.....MAYO,FONG & YONG

GAMBARAJAH 2.5-1

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PEKERJA & TANGGUNGAN**

**3 PEKERJA DAN TANGGUNGAN**

**3.1 KEMASUKAN DATA PEKERJA-TANGGUNGAN**

**3.1.1 Tujuan.**

Untuk memasukkan dan menyimpan data pekerja dan tanggungannya.

**3.1.2 Tatacara.**

3.1.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod.

3.1.2.2 Sumber masukan/rujukan: Borang Pemilihan penal Doktor.

3.1.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

3.1.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 1,2.

3.1.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MST101 dan MSA104 (lihat Gambarajah 3.1-1)

**3.1.2.6 Keterangan:**

Ruangan no. 6 & 7 - Format kod peruntukan penal doktor adalah seperti berikut: Xnn di mana X ialah huruf untuk negeri A,B,C,D,J,K,M,N,P,T,R,W atau U dan n ialah nombor peruntukan bagi penal doktor yang sah.

Untuk kod doktor (perubatan/pergigian) yang sah sila lihat 'Senarai Peruntukan Kod penal Doktor Dan Doktor Gigi Lembaga' di lampiran A.

Contoh: penal doktor Syed Mahmud & Ruby Majeed memiliki kod W3 dan bukannya W03.

Kod penal yang anda masukkan di sini mestilah yang telah ujud dalam komputer. Jika tidak komputer akan memberi mesej ralat dan anda akan menghadapi masalah untuk keluar. Oleh itu pastikan yang setiap pemilihan penal dari pekerja/tanggungannya anda adalah sah dan telah diujiudkan dalam komputer (gunakan submenu pertanyaan ke atas ringkasan semua penal doktor).

**Perhatian:**

Balu & tanggungan pekerja yang telah meninggal adalah layak menerima kemudahan perubatan (tertakluk kepada had & syarat yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kebajikan). Jadi untuk mengelakkan kekeliruan semasa cetakan Senarai Pemilihan Penal nanti, masukkan U1 sebagai ganti (jangan lupa taipkan satu ruangan selepas U1).

Pesara tidak diberi kemudahan pergigian, jadi kodnya hendaklah digantikan dengan U2 (jangan lupa taipkan satu ruangan selepas U2).





## PEKERJA & TANGGUNGAN

Ruangan no. 8 - Bilangan ini adalah bilangan isteri dan anak.

Ruangan no. 11 - Tarikh ini ialah tarikh pengesahan oleh ketua jabatan anda.

Pemaparan skrin kemasukan Data Tanggungan (MSA104) bergantung kepada bilangan tanggungan yang telah ditaip dalam ruangan No. 8 semasa kemasukan data pekerja (MST101). Jika anda telah menaip 3 (satu isteri dan dua anak) untuk bilangan tanggungan, maka skrin MSA104 akan dipaparkan sebanyak 3 kali.

Ruangan no. 16 - Sekiranya ada anak pekerja yang tinggal bersama dengan penjaga di tempat lain dan telah (terpaksa) memilih penal doktor Lembaga yang berlainan dari penal pekerja dan/atau isteri pekerja, maka masukkan catitan ringkas di sini seperti "Anak tinggal dgn. nenek" dsbnya.

### 3.1.3 Kawalan:

- a) Bagi kemasukan pada skrin MST101, no. pekerja yang unik sahaja dibenarkan masuk.
- b) Kod doktor dan doktor gigi akan disemak oleh komputer untuk memastikan yang kod-kod ini ujud dalam komputer.

### 3.1.4 Pengecualian:

Tiada.



**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PEKERJA & TANGGUNGAN**

**3.2 PERUBAHAN DATA PEKERJA/TANGGUNGAN**

**3.2.1 Tujuan.**

Untuk meminda butir-butir pekerja atau tanggungan pekerja.

**3.2.2 Tatacara.**

3.2.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana perlu.

3.2.2.2 Sumber masukan/rujukan: Borang Pemilihan untuk dikemaskini dan surat-surat yang berkenaan.

3.2.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

3.2.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 2,2.

3.2.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MSC101 dan MSC104 (lihat Gambarajah 3.2-1)

**3.2.2.6 Keterangan:**

Sebarang perubahan/pertukaran kod penal doktor ataupun doktor gigi oleh pekerja/tanggungan mestilah dilakukan pada awal bulan berikutnya sahaja yakni setelah dilakukan perkara-perkara berikut:

a) laporan-laporan bulanan (submenu 5.2.1 dan 5.2.2) telah dicetakkan bagi bulan tersebut.

b) pertukaran ini telah pun disahkan oleh ketua jabatan.

c) penal doktor lama DAN baru telah diberitahu secara bertulis terlebih dahulu mengenai pertukaran ini.

d) cetakan laporan senarai pemilihan penal (submenu 5.4.1 atau 5.4.2) yang baru telah dilakukan - satu untuk penal lama & satu untuk penal baru dan dihantarkan kepada penal lama dan baru berkenaan.

Kemasukan anak/isteri yang baru dapat dilakukan jika perlu selepas paparan skrin 'PERUBAHAN DATA TANGGUNGAN'.

**3.2.3 Kawalan:**

No. Pekerja di kedua-dua skrin hanyalah untuk paparan saja dan tidak dibenarkan meminda.

**3.2.4 Pengecualian:**

Tiada.





## PEKERJA & TANGGUNGAN

### 3.3 PEMBATALAN KE ATAS PEKERJA DAN TANGGUNGAN

#### 3.3.1 Tujuan.

Untuk membatalkan semua maklumat seseorang pekerja beserta tanggungannya.

#### 3.3.2 Tatacara.

3.3.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana ada pemindahan atau kematian pekerja dan tanggungan.

3.3.2.2 Sumber masukan/rujukan: Surat-surat yang berkaitan.

3.3.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada

3.3.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 3, 2.

3.3.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPD100 dan MSD101  
(lihat gambarajah 3.3-1)

#### 3.3.2.6 Keterangan:

Apabila anda menaipkan 'Y' untuk membatalkan, rekod ini akan ditanda untuk penghapusan dari fail komputer. Rekod tersebut masih ada selagi anda tidak keluar dari menu Pembatalan untuk sesi "pemas-tian" (lihat Kawalan).

#### PERHATIAN:

Sekiranya pekerja yang meninggal dunia tersebut ada balu/tanggungan yang masih hidup, maka jangan lakukan proses pembatalan ini. Sebaliknya gunakan submenu perubahan data pekerja/tanggungan (submenu 2.2) untuk mengubah kod penal doktor dan doktor giginya kepada "U1 " dan "U2 " masing-masing.

#### 3.3.3 Kawalan:

Sebelum anda keluar dari menu Pembatalan, anda akan ditanya samada untuk terus hapuskan rekod-rekod penal doktor, pekerja atau pun bil-bil dari komputer. Jika ketika ini anda menjawab 'Y' (Yes/Ya), semua maklumat tadi akan terus hilang dan tidak boleh dipanggil balik kecuali dengan memasukkannya semula. Tetapi jika anda menjawab 'N' (No/Tidak), semua rekod-rekod tadi akan dikembalikan seperti keadaan sebelumnya (yakni bagi sesi Pembatalan tersebut saja)

#### 3.3.4 Pengecualian:

Tiada.

28/04/89

SISTEM PERUBATAN  
PEMBATALAN PEKERJA & TANGGUNGAN

MPD100

No.pekerja : 11111

Masukkan  
No. pekerja yang  
hendak dibatalkan

Tekan kekunci [Esc] untuk keluar

28/04/89

SISTEM PERUBATAN

MSD101

PEMBATALAN

---

Nama : USMAR ISMAIL                      No.K/P : 7051339  
 No.Pek: 11111                                  Bil.Tanggung: 3

Nama isteri/anak	Tar. Lahir	Nama isteri/anak	Tar. Lahir
1.CLEOPATRA	12/05/44	12.	
2.ANNE MARGARET	11/03/46	13.	
3.ALICE IN WONDERL	23/08/88	14.	
4.		15.	
5.		16.	
6.		17.	
7.		18.	
8.		19.	
9.		20.	
10.		21.	
11.		22.	

Adakah rekod ini akan dibatalkan? (Y/N)  Y

GAMBARAJAH 3.3-1

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
PEKERJA & TANGGUNGAN

3.4 PEMBATALAN KE ATAS TANGGUNGAN SAHAJA

3.4.1 Tujuan.

Untuk membatalkan butir-butir tanggungan secara individu.

3.4.2 Tatacara.

3.4.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana berlaku kematian anak dsbnya.

3.4.2.2 Sumber masukan/rujukan: Surat-surat yang berkaitan.

3.4.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

3.4.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 3, 4.

3.4.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPD200 (lihat gambarajah 3.4-1)

3.4.2.6 Keterangan:

Pembatalan setiap rekod tanggungan memerlukan no. rujukan menunjukkan tanggungan manakah yang hendak dibatalkan. Nombor rujukan tersebut ialah no. pada sebelah tiap-tiap nama tanggungan yang dipaparkan.

3.4.3 Kawalan:

Lihat 3.3.3.

3.4.4 Pengecualian:

Tiada.

MPD200 .

SISTEM PERUBATAN  
PEMBATALAN TANGGUNGAN

23/04/88

No.pekerja : 11111

No.	Nama	Hubungan	Panel Doktor	Jantina	Tarikh Lahir
1	CLEOPATRA	Isteri	W3	Perempuan	12/05/44
2	ANNE MARGARET	Isteri	W7	Perempuan	11/03/46
3	ALICE IN WONDE	Anak	W7	Perempuan	23/08/88

Masukkan nombor rekod yang hendak dibatalkan 0 :

GAMBARAJAH 3.4-1

## PEKERJA & TANGGUNGAN

### 3.5 PERTANYAAN TANGGUNGAN PEKERJA

#### 3.5.1 Tujuan.

Untuk memudahkan anda menyemak kod-kod penal yang telah dipilih oleh pekerja dan tanggungannya.

#### 3.5.2 Tatacara.

3.5.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod bilamana perlu ketika menyemak bil-bil.

3.5.2.2 Sumber masukan/rujukan: Nombor pekerja.

3.5.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

3.5.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 4, 4.

3.5.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPE400 (lihat gambarajah 3.5-1)

#### 3.5.2.6 Keterangan:

Semua ruangan di sini hanyalah untuk paparan sahaja.

#### 3.5.3 Kawalan:

Tiada.

#### 3.5.4 Pengecualian:

Tiada.





PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

4 BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

4.1 KEMASUKAN BUTIR-BUTIR BIL PERUBATAN

4.1.1 Tujuan.

Untuk mengumpulkan butir-butir bil perubatan bagi bulan-bulan yang lepas.

4.1.2 Tatacara.

4.1.2.1 Digunakan oleh Kerani rekod/kewangan bilamana hendak membuat pembayaran untuk bil-bil tersebut.

4.1.2.2 Sumber masukan/rujukan: Bil-bil dan no. siri Sijil Selesai.

4.1.2.3 Laporan yang dicetak: Salinan butir-butir bil yang telah dikomputerkan. (lihat gambarajah 4.1-3)

4.1.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 1, 1.

4.1.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPA201 (lihat gambarajah 4.1-1)  
MRA200 (lihat gambarajah 4.1-2)

4.1.2.6 Keterangan:

Ruangan no. 1 - Masukkan kod penal doktor bagi bil. Komputer akan menyemak samada kod ini wujud dalam semarai kod-kod komputer yang sah.

Formatnya adalah seperti yang diterangkan dalam bahagian 2.1.2.6 (ruangan no. 1)

Ruangan no. 2 - Masukkan nombor (1 hingga 12) untuk bil bulan manakah yang hendak dimasukkan. Kadangkala bil-bil yang dihantar oleh penal klinik adalah untuk 2 atau 3 bulan berturut-turut. Ini tidak mengapa. Anda hendaklah masukkan salah satu dari bulan-bulan tersebut.

Tujuan kemasukan bulan adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan kemasukan tarikh bagi butir-butir bil yang terlalu banyak. (Untuk keterangan lanjut, lihat keterangan untuk ruangan no. 4)

Ruangan no.3 - Nombor siri ini hanyalah untuk paparan sahaja. Tujuannya ialah untuk memberitahu anda butir bil yang keberapakah yang sedang anda masukkan sekarang.

Sebagai kawalan, anda tandakan di sebelah tiap-tiap butir bil yang akan dimasukkan dengan no. siri ini.

Nombor siri ini akan disetkan kepada 1 kembali bila anda telah selesai (lihat keterangan untuk ruangan No. 10 tentang proses menyelesaikan pembayaran bil.)

Ruangan no. 4 - Tarikh yang disediakan oleh komputer bergantung pada bulan (ruangan No. 2) yang telah anda taipkan. Anda hendaklah meminda tarikh ini supaya menepati dengan

## BIL.-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

tarikh pada butir bil yang akan dimasukkan.

Untuk meminda, anda hanya gerakkan kursor ke tempat tersebut dan taipkan angka yang betul.

Ruangan no. 5 - Masukkan no. pekerja bagi butir bil ini. Komputer akan membuat semakan samada pekerja ini ujud dalam rekod komputer atau tidak, dan jika ianya ujud adakah ianya adalah di bawah penal doktor yang sah.

Ruangan no. 6 - Ruangan ini hanyalah untuk dimasukkan jumlah bayaran untuk lawatan/rawatan bagi pekerja itu sendiri.

Ruangan no. 7 - Sekiranya kadar bayaran yang dinyatakan dalam butir bil adalah untuk isteri/anak pekerja tersebut, maka masukkan jumlah tersebut di sini.

(Ini hanya berlaku apabila pekerja dan tanggungan memilih penal doktor yang berlainan).

Komputer akan menyemak samada tanggungan bagi pekerja ini memilih penal doktor seperti yang dinyatakan diatas (ruangan no. 1)

Ruangan no. 8 - Sekiranya jumlah bayaran adalah untuk anak yang di bawah penal doktor lain daripada penal doktor yang telah dipilih oleh pekerja dan tanggungan<sup>@</sup>, masukkan jumlah tersebut di sini.

Misalnya jika anda memasukkan jumlah bayaran ini pada bahagian (1) (yakni ruangan No. 6) atau bahagian (2) (yakni ruangan No. 7), komputer akan mempaparkan mesej ralat/amaran dan seterusnya akan mengosongkan ketiga-tiga bahagian itu tadi (yakni (1), (2), dan (3)) dan meminta supaya jumlah tersebut dimasukkan semula.

Ruangan no. 9 - Setiap butir bil perlu disemak dan disahkan oleh anda samada akan dimasukkan ke dalam satu Sijil Selesai yang sama atau tidak. Jika ya taipkan 'Y', sebaliknya taipkan 'N' dan komputer akan seterusnya meminta penjelasan ringkas dari anda mengapa ianya (yakni butir bil ini) akan diasingkan.

Contoh perkara-perkara yang boleh berlaku mengakibatkan sesuatu butir bil itu diasingkan atau ditunda pembayarannya.

a) Ada perbezaan jumlah di antara salinan bil dengan salinan 'chit' (lampiran 'E'/'F') yang

---

<sup>@</sup> Ini akan berlaku sekiranya si anak tinggal dengan penjaga di tempat yang lain daripada pekerja dan isterinya. Jadi untuk kemudahan si anak tadi terpaksa dipilih klinik Lembaga yang berdekatan dengannya. Pemilihan penal doktor begini tertakluk kepada kelulusan atau budibicara Ketua Jabatan di sesuatu stesen tersebut. Lihat keterangan bersama Ruangan no.16, bahagian 3.1.2.6.

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGITAN**

berpunca dari butir bil ini.

- b) Butir bil yang tidak disertakan 'chit'-nya.
- c) Butir bil yang mana salinan 'chit'-nya ada, tetapi tidak dinyatakan dalam bil (untuk kes ini anda terpaksa merujuk kepada 'chit' tersebut untuk memasukkan data, bukan kepada bil.)
- d) Butir bil kakitangan yang bukan dari stesen/jabatan anda.

Untuk setiap kes-kes di atas (atau mungkin ada lagi kes yang lain dari disebutkan di atas), taipkan seberapa ringkas dan bermakna yang boleh .

Contohnya bagi kes (b), taipkan "Tiada disertakan 'chit'" pada ruangan ini. #

- Ruangan no. 10 - Taipkan 'T' jika anda ingin
- i) berehat dahulu jika bil terlalu banyak
  - ii) membuat perubahan dahulu
  - iii) membuat pertanyaan dahulu atau lain-lain sebab.

Taipkan 'S' jika anda sudah selesai memasukkan kesemua butir-butir bil dari penal doktor dan sudah bersedia untuk mengeluarkan Sijil Selesai. (Yakni anda sudah tahu akan no. siri Sijil Selesai yang akan dikeluarkan)

Tekan kekunci ← jika anda ingin meneruskan memasukkan butir bil lagi.

- Ruangan no. 11 - Ini akan dipaparkan hanya apabila anda menaipkan 'S' untuk selesaikan pemerosesan bil-bil. Taipkan no. siri Sijil Selesai.

Setiap butir-butir bil yang telah disemak dan dimasukkan ke dalam komputer akan diproses pula oleh komputer dan dicetak untuk rekod dan pengesahan bagi stesen anda.

Salinan buti-butir bil yang telah dikomputerkan ini hendaklah dikepilkan bersama dengan salinan bilnya dan disimpan ke dalam fail stesen.



MRA200

SISTEM PERUBATAN  
SALINAN BUTIR-BUTIR BIL YANG TELAH DIKOMPUTERKAN

28/08/89

\*\*\*\* SILA SEDIAKAN PENCETAK ANDA \*\*\*\*

Cetak laporan ini? (Y/N)·Y

GAMBARAJAH 4.1-2

## BUTIR-BUTIR BIL YANG TELAH DIKOMPUTERKAN

MUKA: 1

Doktor : DR. SYED MAHMOOD &amp; RUBY M - W3

Bulan : June, July

Butir-butir bil bagi pekerja bergaji bulan (2):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggung)
22/07/89	11111	25.00
12/07/89	22222	35.00
Jumlah		60.00

Butir-butir bil bagi pekerja IMG (4):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggung)
17/07/89	44444	55.00
Jumlah		55.00

Butir-butir bil bagi pekerja dalam lain-lain kategori (3):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggung)
23/06/89	33333	45.00
Jumlah		45.00

Jumlah besar 160.00

No.siri Sijil Selesai: 4587

Tandatangan kerani rekod yang menguruskannya: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_/\_\_\_/\_\_\_

PERINGATAN: Salinan ini hendaklah dikepilkan bersama-sama dengan salinan bil dan Sijil Selesai kemudian hendaklah disimpan dalam fail stesen.

\*\*\*\*\* LAPURAN TAMAT \*\*\*\*\*

GAMBAR AJAH 4.1-3

## BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

Ruangan no. 12 - Sediakan pencetak anda dengan kertasnya betul-betul diselaraskan. Pastikan lampu 'ON-LINE' dan 'SELECT' bernyala (menandakan ianya sedia digunakan). Kemudian tekan kekunci ← dan tunggu sehingga cetakan selesai.

### 4.1.3 Kawalan:

Diterangkan bersama dengan tiap-tiap ruangan yang berkenaan.  
(rujuk bahagian 4.1.2.6 diatas.)



PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

4.2 KEMASUKAN BUTIR-BUTIR BIL PERGIGIAN

4.2.1 Tujuan.

Untuk mengumpulkan butir-butir bil pergigian bagi bulan-bulan yang lepas:

4.2.2 Tatacara.

4.2.2.1 Digunakan oleh kerani kewangan/rekod bilamana bil-bil tersebut telah disemak dan bersedia untuk dibuat pembayaran.

4.2.2.2 Sumber masukan/rujukan: Bil-bil & nombor siri Sijil Selesai.

4.2.2.3 Laporan yang dicetak: Salinan Butir-butir bil yang Telah Dikomputerkan (lihat Gambarajah 4.2-3).

4.2.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 1,4.

4.2.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPA301 (Gambarajah 4.2-1) dan MRA200 (Gambarajah 4.2-2).

4.2.2.6 Keterangan:

Ruangan no. 1 hingga 5 - Lihat bahagian 4.1.2.6 bagi ruangan nombor yang sama.

Ruangan no. 6 - Masukkan jumlah pembayaran untuk pekerja sahaja. Komputer akan menyemak samada pekerja ini betul-betul di bawah penal doktor gigi sepertimana yang dinyatakan di dalam bil.

Mesej ralat yang berkenaan akan dipaparkan jika terdapat sebarang kesalahan dalam proses pembilan oleh penal doktor gigi berkenaan.

Ruangan no. 7 - Lihat keterangan yang sama pada bahagian 4.1.2.6, ruangan no. 9.

Ruangan no. 8 - Lihat bahagian 4.1.2.6, ruangan no. 10 dan 11.

Ruangan no. 9 - Lihat bahagian 4.1.2.6, ruangan no. 12.



MRA200

SISTEM PERUBATAN  
SALINAN BUTIR-BUTIR BIL YANG TELAH DIKOMPUTERKAN

28/08/89

\*\*\*\* SILA SEDIAKAN PENCETAK ANDA \*\*\*\*

Cetak laporan ini? (Y/N) Y

GAMBARAJAH 4.2-2

MRA200

SISTEM PERUBATAN

28/08/89

BUTIR-BUTIR BIL YANG TELAH DIKOMPUTERKAN

MUKA: 1

Doktor : MAYO FONG & YONG - W50

Bulan : June

Butir-butir bil bagi pekerja bergaji bulan (2):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggungan)
-----		
Jumlah		0.00
=====		

Butir-butir bil bagi pekerja IMG (4):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggungan)
-----		
10/06/89	44444	65.00
-----		
Jumlah		65.00
=====		

Butir-butir bil bagi pekerja dalam lain-lain kategori (3):

Tarikh	No.Pek	Kadar(pek/tanggungan)
-----		
22/06/89	33333	35.00
-----		
Jumlah		35.00
=====		

-----  
Jumlah besar                    100.00  
=====

No.siri Sijil Selesai: 4588

Tandatangan kerani rekod yang menguruskannya: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_/\_\_\_/\_\_\_

PERINGATAN: Salinan ini hendaklah dikepilkan bersama-sama dengan salinan bil dan Sijil Selesai kemudian hendaklah disimpan dalam fail stesen.

\*\*\*\*\* LAPURAN TAMAT \*\*\*\*\*

GAMBARAJAH 4.2-3

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN**

**4.3 PERUBAHAN BUTIR-BUTIR BIL PERUBATAN**

**4.3.1 Tujuan.**

Untuk meminda kesilapan menaip diwaktu kemasukan data atau untuk menyelesaikan pembayaran butir bil yang telah ditunda pembayarannya.

**4.3.2 Tatacara.**

4.3.2.1 Digunakan oleh Kerani kewangan/rekod.

4.3.2.2 Sumber masukan/rujukan: Kod penal doktor, bulan dan nombor pekerja.

4.3.2.3 Laporan yang dicetak: Salinan Butir-butir bil yang Telah Dikomputerkan (lihat Gambarajah 4.2-3).

4.3.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 2,3.

4.3.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPC203 (lihat Gambarajah 4.3-1)

**4.3.2.6 Keterangan:**

Ruangan no. 1 - Masukkan kod penal doktor. Formatnya seperti yang telah diterangkan dalam bahagian 2.1.2.6, ruangan nombor 1.

Ruangan no. 2 - Masukkan bulan (1-12) butir bil yang akan dipinda.

Ruangan no. 3 - Masukkan no. pekerja bagi butir bil yang akan dipinda.

Ruangan no. 4 & 5 - Ruangan ini hanyalah untuk paparan jika ada butir bil yang dinyatakan sepertimana di atas (Ruang 1 hingga 3).

Ruangan no. 6,7 & 8 - Sekiranya ada butir bil sepertimana yang dinyatakan oleh anda dalam ruangan 1-3, maka butir pembayaran akan dipaparkan untuk pindaan.

Kawalan ke atas kemasukan/pindaan pada ruangan-ruangan ini tertakluk kepada pemilihan penal doktor oleh pekerja dan tanggungan tersebut yang tersimpan di dalam komputer (Keterangan lanjut lihat bahagian 4.1, ruangan no. 6,7 & 8).

Ruangan no. 9 & 10 - Jika nilai ruangan no. 9 (lihat Gambarajah 4.3-2) pada mula-mulanya ialah 'N' untuk 'tidak' (yakni butir bil ini dulu ditunda pembayarannya oleh sebab-sebab yang dinyatakan pada ruangan no. 11), kemudiannya dipinda ke 'Y' untuk 'ya' maka komputer akan membuat andaian yang anda hendak menyelesaikan pembayaran bagi butir bil ini.

Jadi anda hendaklah memasukkan nombor siri Sijil Selesai dan sediakan pencetak untuk mendapat salinan butir bil yang telah dikomputerkan.



**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL.-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN**

Ruangan no. 11 - Jika anda meminda ruangan no. 9 dari 'N' ke 'Y', maka ruangan ini patutlah dikosongkan, ianya tidak akan mem bawa apa-apa kemudharatan kepada pemerosesan bil anda.

**PERINGATAN:**

Perubahan ruangan no. 9 dari 'N' ke 'Y' akan secara automatik memberi andaian kepada komputer bahawa anda ingin menyelesaikan pembayaran bil sepertimana yang telah dilakukan semasa kemasukan butir-butir bil dalam menu 'Kemasukan'.

**4.3.3 Kawalan:**

Butir-butir bil yang sudah dilakukan pembayaran tidak boleh di-pinda lagi, hanya bil-bil yang belum habis lagi kemasukannya atau butir bil yang ditunda pembayarannya yang anda boleh pinda.

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN

4.4 PERUBAHAN BUTIR-BUTIR BIL PERGIGIAN

4.4.1 Tujuan.

Untuk meminda kesilapan menaip di waktu kemasukan butir-butir bil atau untuk menyelesaikan pembayaran butir bil yang telah ditunda pembayarannya.

4.4.2 Tatacara.

4.4.2.1 Digunakan oleh Kerani kewangan/rekod.

4.4.2.2 Sumber masukan/rujukan: Kod penal doktor, bulan dan nombor pekerja.

4.4.2.3 Laporan yang dicetak: Salinan Butir-butir Bil Yang Telah Dikomputerkan (lihat Gambarajah 4.2-3).

4.4.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 2,4.

4.4.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPC303 (lihat gambarajah 4.4-2)

4.4.2.6 Keterangan:

Ruangan no. 1 hingga 5 - lihat keterangan ruangan dalam bahagian 4.3.2.6, ruangan no. 1 hingga 5 juga.

Ruangan no. 6 - Masukkan jumlah bayaran rawatan pergigian bagi pekerja di sini.

Ruangan no. 7,8,9 - lihat bahagian 4.3.2.6, ruangan no. 9,10,11.

4.4.3 Kawalan:

Diterangkan bersama dengan keterangan untuk ruangan-ruangan bernombor dalam bahagian 4.4.2.6 di atas.

4.4.4 Pengecualian:

Tiada.



PERUBAHAN BUTIR-BUTIR BIL PERGIGIAN

Kod doktor : W49 ①

Bulan (1..12) : 2 ②

No. pekerja : 11111 ③

Tarikh : 22/02/89 ④

Jenis bil : D ⑤

M=Perubatan D=Pergigian
----------------------------

Jumlah bayaran bagi pekerja sahaja : 67.00 ⑥

Telah dimasukkan ke dalam Sijil Selesai : N ⑦

Nombor siri Sijil Selesai : ⑧

Catitan (Jika tidak dimasukkan ke dalam Sijil Selesai) : TIADA 'CHIT' ⑨

GAMBARAJAH 4.4-2

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN**

**4.5 PEMBATALAN BUTIR-BUTIR BIL**

**4.5.1 Tujuan.**

Untuk membatalkan butir-butir bil yang tidak lagi dikehendaki.

**4.5.2 Tatacara.**

4.5.2.1 Digunakan oleh Kerani kewangan/rekod.

4.5.2.2 Sumber masukan/rujukan: Kod penal doktor dan nombor pekerja.

4.5.2.3 Laporan yang dicetak: Tiada.

4.5.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 3,4.

4.5.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPD300. (lihat Gambarajah 4.5-1)

**4.5.2.6 Keterangan:**

Ruangan no. 1 & 2 - Masukkan kod penal doktor dan no. pekerja yang mana butir atau butir-butir bilnya hendak dibatalkan.

Ruangan no. 3 - adalah untuk paparan sahaja. Nombor-nombor pada ruangan ini dikeluarkan oleh komputer dan tidak semestinya mengikut tertib. Ianya digunakan sebagai rujukan bila-mana anda hendak memadamkan mana-mana satu butir bil nanti (lihat keterangan ruangan no. 6).

Ruangan no. 4 - ialah paparan jumlah bayaran bagi anak yang penal doktornya lain dari penal doktor yang dipilih oleh pekerja & tanggungan yang lain.

Ruangan no. 5 - ialah paparan nombor siri Sijil Selesai jika pembayaran untuk butir bil tersebut telah dilakukan. Jika sekiranya pembayaran belum dilakukan, ruangan ini dibiarkan kosong oleh komputer.

Ruangan no. 6 - Masukkan nombor (dari ruangan no. 3) bagi butir bil hendak dipadamkan.

**4.5.3 Kawalan:**

Butir-butir bil yang sebahagian daripada bil yang masih belum habis dimasukkan tidak akan dibenarkan padam oleh komputer.

**4.5.4 Pengecualian:**

Tiada.

MPD300 27/04/89

SISTEM PERUBATAN  
PEMBATALAN BIL

Kod doktor : [K3] ①

No. pekerja : [1111] ②

Jenis: M=Perubatan D=Pergigian Tanggungan=Isteri/anak Y/N=Ya/Tidak

No.	Jenis	Tarikh	Pekerja	Tanggungan	Anak	Sudah bayar(Y/N)
4	M	11/03/89	34.00	0.00	0.00	N
5	M	12/03/89	23.00	0.00	0.00	Y 334654
6	M	21/03/89	34.00	0.00	0.00	Y 334654
8	M	24/01/89	56.00	0.00	0.00	Y ⑤

③

Masukkan nombor rekod yang hendak dibatalkan ⑥

GAMBARAJAH 4.5-1

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
BIL-BIL PERUBATAN DAN PERGIGIAN**

**4.6 PERTANYAAN BIL-BIL YANG MASIH BELUM DIJELASKAN**

**4.6.1 Tujuan.**

Untuk memudahkan penyemakan dan pengawasan ke atas butir-butir bil yang masih belum dijelaskan.

**4.6.2 Tatacara.**

4.6.2.1 Digunakan oleh Kerani kewangan/rekod.

4.6.2.2 Sumber masukan/rujukan: Tiada.

4.6.2.3 Laporan yang dicetak: Boleh dapatkan salinan ke mesin pencetak apa yang akan dipaparkan pada skrin ini.

4.6.2.4 Kaedah pencapaian: (Dari Menu Utama) Pilih 4,3.

4.6.2.5 Nama skrin yang dipaparkan: MPE300 (lihat Gambarajah 4.6-1)

4.6.2.6 Keterangan:

Lihat Gambarajah 4.6-1.

**4.6.3 Kawalan:**

Tidak diperlukan.

**4.6.4 Pengecualian:**

Tiada.


MPE300	SISTEM PERUBATAN				08/04/91
BIL-BIL YANG MASIH BELUM DEJELASKAN LAGI					
Kekunci: M=perubatan D=pergigian					
Kod	No.Pek	Tarikh	--- Jumlah Bayaran Bagi --- Pekerja-Tanggungan-----Anak		Sebab-sebab
D W49	11111	12/01/91	45.00	0.00	0.00
D W49	22222	23/01/91	25.00	0.00	0.00
Tekan kekunci [F5] untuk meneruskan					

GAMBARAJAH 4.6-1

PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN  
LAPORAN

5 LAPORAN

Sebelum setiap laporan dicetak, komputer akan meminta kepastian dari anda samada anda dan mesin pencetak anda sudah bersedia untuk melakukan sebarang cetakan. Format skrin kepastian adalah seperti di tunjukkan di bawah ini:



Jika anda taip 'N' untuk tidak, anda akan dikeluarkan dari skrin pencetak ini dan kembali ke menu asal.

**PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERUBATAN**  
**LAPORAN MENGIKUT PERMINTAAN**

**5.1 LAPORAN MENGIKUT PERMINTAAN**

**5.1.1 BORANG PEMILIHAN KOSONG**

**5.1.1.1 Tujuan.**

Untuk mengumpulkan maklumat baru pekerja & tanggungan yang diberi kemudahan perubatan dan pergigian untuk dimasukkan ke dalam komputer. Format borang ini direka khas untuk melicinkan kemasukan data tersebut ke dalam komputer.

**5.1.1.2 Tatacara.**

**5.1.1.2.1 Digunakan oleh** Kerani rekod bilamana ada pekerja baru pindah masuk ke stesen/jabatan anda.

**5.1.1.2.2 Sumber masukan/rujukan:** Borang Pemilihan yang telah diisikan dan disahkan oleh Ketua Stesen/Jabatan.

**5.1.1.2.3 Kaedah pencapaian:** (Dari Menu Utama) Pilih 5,1,1.

**5.1.1.2.4 Nama skrin/laporan:** MR1100 (lihat Gambarajah 5.1.1-1).

**5.1.1.2.5 Keterangan:**

Jika banyak borang kosong ini diperlukan, anda dinasihatkan membuat salinan foto bagi menjimatkan masa.

Borang ini hendaklah diberikan kepada pekerja untuk diisikan. Setelah diisikan ianya hendaklah disahkan atau diluluskan oleh Ketua Stesen/Jabatan anda.

Setelah ditandatangani oleh Ketua Stesen/Jabatan, butir-butir ini hendaklah dimasukkan ke dalam komputer melalui menu 'Kemasukan Data - Pekerja dan Tanggungan'.

**5.1.1.3 Kawalan:**

Tiada.

**5.1.1.4 Pengecualian:**

Tiada.

